

Headline : Hutan Belum cetus budaya cintai alam
Media Title : Berita Harian
Date : 10 May 2014



Hutan Belum cetus budaya cintai alam

» PM minta
agensi kaji
potensi diiktiraf
Tapak Warisan
Dunia UNESCO

Oleh Shaarani Ismail
shaarani@bh.com.my

► Gerik

Datuk Seri Najib Razak berkata, kerajaan sedia untuk membangunkan Hutan Simpan Royal Belum sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO jika kawasan berkenaan mempunyai asas, garis panduan dan kriteria yang cukup untuk membangunkannya.

Perdana Menteri berkata, untuk itu beliau meminta semua agensi berkaitan untuk mengkaji potensi sama ada Hutan Royal Belum itu boleh mendapat pengiktirafan berkenaan atau tidak.

"Hutan Royal Belum ini dari satu segi mempunyai nilai warisannya yang tersendiri dan keduanya, ia juga mempunyai nilai ekonomi.

"Lebih ramai lagi pelancong akan datang ke sini tetapi ia mesti dibawa secara terkawal dan terancang... tidak boleh

pelancongan dalam skala besar tetapi pelancongan berkualiti," katanya berucap pada pelancaran Fasa Kedua Belum Rainforest Resort di resort berkenaan di Pulau Banding di sini, sempena lawatan dua hari ke Perak, semalam.

Yang turut hadir ialah isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor; Menteri Besar, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir dan isteri, Datin Seri

Saripah Zulkifli serta Pengerusi Kumpulan EMKAY, Tan Sri Mustapha Kamal Abu Bakar.

Najib berkata, kawasan Pulau Banding pada awalnya diilham oleh ayahanda beliau, Tun Abdul Razak Hussein pada 1974 bertujuan berperanan sebagai aspek kawalan keselamatan.

Pemangkin cintai alam

"Apa yang agak menarik adalah satu konsep yang awalnya berpaksikan kepada soal keselamatan memerangi ancaman komunis bertukar kepada satu konsep baharu iaitu bagaimana kita boleh menjadikan Hutan Belum ini sebagai satu pemangkin kepada budaya untuk mencintai alam sekitar dan warisan negara kita.

"Saya lihat inilah satu pengalaman cukup unik, maka saya ingin memberi setinggi tahniah kepada Tan Sri Mustapha Kamal kerana beliau telah memulakan satu inisiatif yang sangat bermakna kepada negara dan generasi akan datang," katanya.

Najib turut meminta institusi pengajian tinggi awam (IPTA) supaya mengambil peluang untuk terbabit dalam aspek kajian saintifik di kawasan berkenaan dan boleh turut sama mengambil bahagian.

Selain itu katanya, beliau

turut menggambarkan supaya kawasan Hutan Royal Belum dapat dibangunkan sebagai lokasi berehat ala 'Camp David' di Amerika Syarikat yang boleh dijadikan kawasan permukiman untuk pemimpin kerajaan.

"Saya gambarkan kita boleh jadikan kawasan ini sebagai pilihan.... kalau nak adakan perbincangan ala Camp David kita boleh laksanakan di kawasan ini. Itu satu daripada apa yang difikirkan pada masa akan datang," katanya.

Sehingga kini Kumpulan EMKAY sudah membelanjakan lebih RM100 juta bagi membangunkan kawasan Belum Rainforest Resort yang ketika ini mempunyai 70 bilik dengan 36 Deluxe Suite, enam chalet tradisional, sebuah villa eksklusif, kolam renang dan sebuah tapak perkhemahan.

Pada pelancaran semalam juga Perdana Menteri turut meluluskan dana tambahan untuk disalurkan kepada Yayasan Mustapha Kamal bagi membangunkan usaha pemeliharaan dan pemuliharaan hutan selain digunakan untuk penyelidikan di kawasan berkenaan.

Kepelbagaian flora, fauna

Sebelum menghadiri majlis pelancaran resort berkenaan, Najib terlebih dahulu menga-

dakan lawatan peribadi ke Pusat Penyelidikan Hutan Hujan Tropika Pulau Banding, terletak berhampiran resort yang banyak digunakan penyelidik untuk membuat kajian mengenai kepelbagaian flora dan fauna di kawasan itu.

Beliau kemudian turut mengadakan lawatan ke Kampung Budaya Orang Asli Tanjung Satu malah turut bermesra serta sama-sama merasai pengalaman menari tarian sewang.

Perdana Menteri kemudian berangkat menunaikan solat Jumaat di surau Kem Banding yang terletak berhampiran resort sebelum bertolak pulang.

“ Lebih ramai lagi pelancong akan datang ke sini tetapi ia mesti dibawa secara terkawal dan terancang... tidak boleh pelancongan dalam skala besar tetapi pelancongan berkualiti”

Najib Razak,
Perdana Menteri

Headline : Hutan Belum cetus budaya cintai alam
Media Title : Berita Harian
Date : 10 May 2014



Najib bersama Rosmah **meninjau aktiviti anak Orang Asli Kampung Desa Damai** di Belum Rainforest Resort selepas merasmikan Fasa Kedua Belum Rainforest Resort, semalam. (FOTO MUHAIZAN YAHYA/BH)

Headline : Fasa ketiga mula September
Media Title : Berita Harian
Date : 10 May 2014



Fasa ketiga mula September

» *Kumpulan EMKAY labur RM120j
bangunkan Belum Rainforest Resort*

Oleh Shaarani Ismail

Kumpulan EMKAY akan membangunkan fasa ketiga Belum Rainforest Resort memabitkan pelaburan sebanyak RM120 juta.

Ketua Pegawai Eksekutif, Ahmad Khalif Mustapha Kamal, berkata fasa ketiga akan memulakan pembinaan September ini, memabitkan pembinaan 45 unit Rumah Villa berkonsepkan alam semula jadi.

"Ia akan dibangunkan di kawasan seluas kira-kira 2.4 hektar dan akan dijual kepada individu berprofil tinggi yang mahukan suasana rumah percutian berkonsepkan alam semula jadi.

Konsep jual dan bina

"Pembinaan fasa ketiga akan memabitkan konsep jual dan bina," katanya selepas majlis perasmian Fasa Kedua Belum Rainforest Resort dan Villa di Pulau Banding, Gerik, semalam.

Perasmian fasa kedua resort itu semalam disempurnakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Villa persendirian eksklusif dengan keluasan antara 1,200 meter hingga 1,500 meter persegi (4,000-5,000 kaki persegi) akan dibina menggunakan bahan mesra alam serta teknik pembinaan yang tidak memudaratkan alam.

Villa berkenaan yang dijangka akan ditawarkan dengan tanda harga antara RM9 juta hingga RM12 juta seunit, mempunyai permandangan Tasik Temenggong yang menakjubkan.

Salurkan pendapatan

Sebahagian pendapatan daripada jualan villa berkenaan akan disalurkan bagi pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar serta program pembangunan dan penyelidikan (R&D) oleh Pusat Penyelidikan Hutan Hujan Tropika Pulau Banding.

Ahmad Khalif berkata, sejak dibuka pada 2004, Kumpulan EMKAY hingga kini sudah membelanjakan lebih RM100 juta bagi membangunkan keseluruhan resort berkenaan memabitkan pembangunan fasa satu dan dua.

Pembangunan kawasan itu dilaksanakan secara mapan dan pada masa yang sama turut membantu pembangunan masyarakat Orang Asli dan masyarakat setempat.

Diiktiraf Hutan Royal Belum

Dalam pada itu, beliau berkata, Kumpulan EMKAY bersedia membantu menjadikan realiti usaha kerajaan untuk membolehkan Hutan Royal Belum diiktiraf sebagai sebahagian daripada Tapak Warisan Dunia UNESCO.

Dengan kepelbagaian sumber flora dan fauna, hutan hujan tropika itu yang berusia lebih 130 juta tahun malah lebih tua daripada hutan hujan

tropika Amazon, Hutan Royal Belum bakal menjadi destinasi terbaharu eko-pelancongan Malaysia.

Headline : Fasa ketiga mula September
Media Title : Berita Harian
Date : 10 May 2014



“
Sejak dibuka pada 2004,
Kumpulan EMKAY
hingga kini sudah
membelanjakan
lebih RM100 juta
bagi membangunkan
keseluruhan resort
itu membabitkan
pembangunan
fasa satu dan dua”

Ahmad Khalif
Mustapha Kamal,
Ketua Pegawai
Eksekutif EMKAY